- (d) In respect of the death of a sole account holder, upon presentation to the Bank of a grant of probate or letters of administration by the deceased's successor(s) or any other related forms from the Land Office and/or any other approved bodies under the relevant legislation prevailing at such time, or a fresh mandate with a new authorised signatory to operate the partnership and/or the Company's or such entity's accounts is furnished to the Bank; or
- (e) In respect of any outstanding sum payable to the Bank, upon the Bank exercising its legal right to set-off the sum against the balance of the Account.

19.4 In the Freezing and Suspension the Accounts pursuant to the terms and conditions herein including any action which may be taken by the Bank such as returning any cheques or other instruments whether deposited for collection or payment as provided herein, the Customer agree that the Bank shall not be responsible for and/or be held liable for any losses damages expenses costs or charges which may be incurred by the Customer and/or claimed against the Bank or which may be incurred by the Bank (including legal costs on a solicitor and client basis) and in connection therewith, the Customer further agrees to keep the Bank fully indemnified against any claims for damages losses expenses costs or charges (including legal fees on a solicitor and client basis) which may be made against the Bank or any party.

19.5 The Customer shall consult the Bank for the purpose of unfreezing the Account with appropriate evidence to the satisfaction of the Bank that such action has been properly uplifted.

20. SOLICITOR'S CLIENT ACCOUNT

- 20.1 Only partner(s), (in case of a sole-proprietorship, the sole-proprietor) of the firm shall be the authorised signatory for example to operate the Account.
- 20.2 The firm shall forward to the Bank on annually basis, the firm's current professional indemnity insurance and practising certificate.
- 20.3 The Bank reserves the right to close the firm and/or client account (Trust Account) upon directive from the Bar Council pursuant to its regulations and/or Court Order.

21. LAW

- 21.1 These Terms & Conditions shall be subject to, governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of BNM and other relevant bodies, and authority in force from time to time.

22. FEES AND CHARGES

- 22.1 Charges will be imposed according to the Bank's Charges. The Bank shall comply with all relevant rules and decisions by BNM and other authority enforced upon the Bank.
- 22.2 The Customer hereby agrees that the Bank has a right to vary the fees and charges applicable to the Account by giving twenty one (21) days notice or communication of the said variation, and any such notice or communication of any variations may be delivered personally, or by registered/ordinary post to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises or newspaper, or e-mail, or web page, or short messaging service, or by any other modes which the Bank deems fit. All communication posted to or left at the Customer's last registered address with the Bank shall be deemed to be duly delivered to Customer unless there is conflicting evidence that the notice was actually not served.

23. WITHHOLDING TAX

- 23.1 The Customer authorises the Bank to exercise discretion to deduct a certain amount from the net income of the fund as a reserve in order to maintain a consistent level of distributable profit. Withholding tax, if applicable shall be deducted from the profit payable, at the rate determined from time to time.

24. BANK'S LIABILITY

- 24.1 Should any of cheques, drafts, postal and money order, other similar documents (et cetera), deposited be lost, mislaid, misplaced, mutilated or destroyed in the ordinary course of collection of the Bank, the Customer hereby agrees that the Customer shall not hold the Bank liable for any losses, liabilities or damages which the Customer may sustain, incur or be liable to arising from such occurrence unless such losses, liabilities or damages is attributable to the wilful misconduct, gross negligence or fraud of the Bank.
- 24.2 When the Bank accepts or incurs liability on behalf of Customer or at the Customer's request, any funds or securities and other valuables deposited with the Bank belonging to the Customer and in the hands of the Bank shall automatically become security to the Bank. The Bank shall have the right to retain such funds or securities or valuables in the hands of the Bank or any part thereof and be entitled at its absolute discretion, even to dishonour the Customer's cheques until the liability is settled.
- 24.3 The Customer(s) hereby give consent to the Bank to disclose information such as may be required by Bank Negara Malaysia in compliance with the Customer's directives and/or to companies in the BMMB Group and other financial institutions for the purpose of a good faith credit evaluation. In doing so, the Bank shall be absolved from any responsibilities or liabilities whatsoever.
- 24.4 Should the Bank retain or is obliged to retain solicitors to enforce any of its rights hereunder or otherwise whether by judicial proceedings or any other manner in relation to the Customer's account, the Customer shall be liable to pay to the Bank all costs, fees and charges in relation thereto and the Bank shall have the right to debit the account with all costs, fees and charges.
- 24.5 The Customer(s) agrees that the Bank shall not be responsible for, and the Customer shall fully indemnify the Bank and hold the Bank harmless against all losses, costs and expenses which may be incurred by the Customer or by the Bank with any or all the banking accounts whatsoever, or the execution by the Bank of any instructions or if any of the Customer's banking accounts or any part thereof is reduced or frozen by any government or official authority unless such losses, liabilities and damages is attributable to the wilful misconduct, gross negligence or fraud of the Bank.
- 24.6 The Bank shall not be responsible for any losses or damages to the Customer by reason of any compliance or non-compliance by the Bank where payment instructions issued by the Customer are incomplete or ambiguous or where the amount of the deposit(s) is insufficient to cover the bank charges and the amount specified in such instructions or by reason of or arising from the business or operations, impeded or interfered by delays, forgery of signatory's signature, alteration and/or forgery due to the Customer's negligence, hostilities, breakdown of electricity or power supply or telecommunications or other communications network systems, riots, blockades, strike, embargoes, or machine or equipment failure.

24.7 Any payments made by the Bank pursuant to any instructions purporting to be signed by the Customer or the Customer's authorized representative(s) shall be a complete discharge and the Bank shall be absolved from any liability to the Customer and any other parties thereon.

25. RIGHT TO SET-OFF

25.1 The Customer agrees that in addition to any general lien or other similar right which the Bank may be entitled by law, the Bank may at any time, by giving seven (7) calendar days notice, combine or consolidate any or all of the banking accounts of whatsoever nature, at any branch of the Bank with any liabilities to the Bank and set-off or transfer any sum or sums standing in the credit of any or all the banking accounts in or towards satisfaction of any of the Customer liabilities, whether such liabilities be present, future, actual or contingent, standing to the credit of any the Customer's banking accounts shall to extent necessary to cover such liabilities or any other monies owing to the Bank.

25.2 In the event that the Customer fails to notify or return any amount which has been wrongly credited to the Customer's Account through any means or correctly credited but subsequently defaulted by the remitting or paying party, the Bank shall be entitled at any time and without notice, to debit from the Customer's Account any sum wrongly credited into the Account.

26. BANK'S RIGHT TO DEBIT BANKING ACCOUNT

26.1 The Customer agrees that the Bank has the right to debit the Customer Banking Accounts without prior notice on any sum that has been credited into the Customer's Banking Accounts as a result of any suspicion of any tampered instrument/instructions/fraudulent transaction, whether with/without the Customer involvement.

27. CLOSURE OF BANKING ACCOUNTS

27.1 The Customer hereby agree that the Bank reserves its right to:-

- (a) Close any Banking Account(s) if the Customer name appear(s) in the Blacklist issued by the Credit Bureau, Bank Negara Malaysia by giving the Customer fourteen (14) days notice of such intention.
- (b) Close any Banking Accounts for any reason whatsoever by giving fourteen (14) days notice of such intention and the Bank shall not be bound to disclose any reasons thereof.

28. SUCCESSORS BOUND

28.1 These Terms and Conditions shall be binding upon the Customer's heirs, personal representatives and successors-in-title and the successors-in-title and assigns of the Bank. The Customer shall not assign any of the Customer's rights and interest in the Banking Accounts or the services. The Customer's obligations and liabilities shall continue notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction or otherwise in the constitution of the Bank

29. WAIVER

29.1 Failure or delay on the part of the Bank in exercising nor any omission to exercise any right, power, privilege or remedy provided in the Terms and Conditions shall constitute a waiver or acquiescence of such default which shall affect or impair any right, power, privilege or remedy herein.

30. SEVERABILITY

30.1 If any of the Terms and Conditions become invalid, illegal, or unenforceable pursuant to any law, then the validity, legality and unenforceability of the remaining provisions shall not in any way be affected or impaired

31. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)

31.1 Subject to latest version of Guidelines issued by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) and includes any statutory amendment or re-enactment thereof, any capital will be covered up to a maximum of Ringgit Malaysia Two Hundred Fifty Thousand (RM250,000) only inclusive of the initial capital and any dividend (profit) there from.

31.2 For the opening of trust account (Solicitor's Client Account), the trustee must submit to the Bank the following information:

- (a) A statement that the deposit in the trust account is held in trust by the trustee;
- (b) The trust account number;
- (c) The trustee's name, address and identity card number or passport number or any other identification acceptable to the deposit-taking member;
- (d) The name and address of each beneficiary or the alphanumeric code or any other code or identifier for such beneficiary; and
- (e) The amount or percentage of each beneficiary's interest in the trust account.

31.3 For the purpose of these Regulations, a trustee who fails to comply with the requirements under item 31.2 but who subsequently submits the required information to the Bank shall be deemed to be opening a new trust account under item 31.2 as at the date of submission of the information.

31.4 Any money withdrawn from an insured deposit is no longer protected by PIDM if transferred to a:

- (a) Deposit account payable outside Malaysia;

- (b) Deposit account held by a financial institution conducting Labuan banking business or Labuan Islamic banking business;
- (c) Deposit account held by a Non-Deposit Taking Member; or
- (d) Non-deposit account (e.g. Unit trust, securities trading account, Lembaga Tabung Haji, ASNB unit trust, gold account, and any other relevant non-deposit accounts).

32. DISCLOSURE OF CUSTOMER INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 (“IFSA”) AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (“PDPA”)

- 32.1 The Customer(s) consents and authorizes the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain the Customer’s personal data to other entities within the BMMB including its branches as well as subsidiaries and other external parties, including but not limited to the parties/bodies listed in clause 32.2 below.
- 32.2 The Customer(s) also consent and agree to the Bank conducting credit checks and verification of information given by the Customer in the Customer’s application for the Banking Accounts or services with any credit bureaus or corporation set up for the purpose of collecting and providing credit or other information. The Customer(s) also consent to the Bank’s disclosure of the Customer’s financial condition, details of accounts, account relationship with the Bank including credit balances to:
- (a) Government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
 - (b) companies which are related to the Bank by virtue of Section 7 of the Companies Act 2016, or any associated company of the Bank;
 - (c) party(ies) providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralised securities depository or registrar, debt collection agents) to the Bank;
 - (d) the Bank’s agents, consultants and professional advisers;
 - (e) the police or any investigating officer conducting any investigation; and
 - (f) any person to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation, governmental directive or request.
- 32.3 The Bank may, subject to compliance with the applicable regulatory rules or guidelines, use or apply any information relating to the Customer’s collected, compiled, or obtained by the Bank through or by whatever means and methods for such purposes as determined by the Bank.
- 32.4 The Customer(s) hereby agree that the Bank’s employees, independent contractor, representatives and/or agents to contact the Customer from time to time through personal visits or oral communication effected via any means of communication including but not limited to telephone calls regarding any products or services promotion unless objected to in writing by the Customer(s).
- 32.5 The Customer(s) also declare that all personal information and data set forth herein is/are all true, up to date and accurate and should there be any charges to any personal information or data set forth herein, shall notify the Bank immediately.

33. FORCE MAJEURE

- 33.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank’s control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, pandemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same.

34. MISCELLANEOUS

- 34.1 The Customer shall indemnify the Bank, as collecting banker, for any loss which the Bank may incur by reason of its guaranteeing any endorsement, discharge, on any cheque, bill, note, draft, dividend warrant or other instruments presented by the Customer for collection and every such guarantee given by the Bank shall be deemed given at the Customer requests in every case unless such losses is attributable to the wilful misconduct, gross negligence or fraud of the Bank.
- 34.2 Subject to Shariah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms & Conditions and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank’s premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer (unless there is contrary evidence that such notice was not in fact received):
- (a) If personally delivered, at the time of delivery; or
 - (b) If posted by registered or ordinary mail, on the seven (7) business day after mailing; or
 - (c) If displayed at the Bank’s premises, on the effective date as stated in the notice.
- 34.3 In the event of any inconsistency between these Terms & Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Terms & Conditions shall prevail.
- 34.4 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the Customers within twenty one (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions.

34.5 The terms and conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this Terms & Conditions shall be subject to Shariah principles.

34.6 Muslim Customer shall be responsible for paying the zakat on savings due on his/her CASA. The Bank offers auto-calculate and auto-deduct systems of the required zakat on savings from the Customer's existing CASA maintained with the Bank. The auto-deduction of zakat on savings formula shall be based on the calculation formula exercised by the relevant state's zakat authority.

(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM250,000 for each depositor)

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) – TERMA & SYARAT GENERIK AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (QARD)
(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit)

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i (Qard) (“ASAS Qard”), pamflet, brosur atau mana-mana terma dan syarat yang dikeluarkan oleh pihak BMMB (“Bank”) yang boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis tertentu akaun-akaun yang dibuka oleh Pelanggan. Mana-mana akaun yang dibuka dan setiap operasi yang dibuat ke atas ASAS Qard ini adalah tertakluk sepenuhnya oleh Terma & Syarat yang dinyatakan di bawah:

1. DEFINISI

1.1 Definisi

“*Akaun atau ASAS Qard*” bermaksud akaun Pelanggan atau akaun-akaun Pelanggan di BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i (Qard) baharu yang akan ditawarkan dari semasa ke semasa di bawah konsep Qard. Produk ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat.

“*BMMB atau Bank*” bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

“*BNM*” bermaksud Bank Negara Malaysia.

“*Pelanggan atau pemberi pinjaman*” bermaksud pemegang akaun seperti individu dan bukan individu yang terdiri daripada entiti-entiti perniagaan, iaitu perkongsian, milikan tunggal, persatuan, kelab, pertubuhan, institusi dan koperasi dan hendaklah termasuk waris-waris, pentadbir-pentadbir, wakil-wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma & Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

“*Force Majeure*” merujuk kepada sebarang keadaan di mana pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini sepertimana yang dijelaskan menurut item 33 di bawah ini.

“*SPRM*” bermaksud Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

“*MEPS*” bermaksud Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia.

“*Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)*” bermaksud kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pelanggan bagi membolehkan Pelanggan memperolehi sesetengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad Debit.

“*Qard*” bermaksud pinjaman dengan jaminan. Kontrak ini merujuk kepada transaksi antara pemberi pinjaman (Pelanggan) dan peminjam (Bank). Penerimaan dan penerusan akaun akan sepenuhnya mengikut budi bicara Bank dan tertakluk kepada pemberi pinjaman mematuhi Terma & Syarat di bawah konsep ini. Pihak Bank dalam situasi ini menjamin pemulangan wang dan mengembalikan kepada pemberi pinjaman dengan sewajarnya, tertakluk kepada peraturan Bank.

“*Terma & Syarat*” bermaksud syarat dan peraturan yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.

“*Akaun Amanah*” bermaksud akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh pendeposit seperti penjaga yang sah atau ibubapa atau entiti perniagaan yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi Pelanggan. Contoh, Akaun Pelanggan Guaman.

“*Zakat Wang Simpanan*” ialah sejumlah 2.5% yang dikeluarkan daripada wang simpanan yang bersamaan atau melebihi 85 gram emas (nisab) yang wajib dikeluarkan zakat keatasnya oleh orang Islam yang berkelayakan, dengan syarat bahawa wang simpanan tersebut telah cukup nisab dan tempoh (haul)nya seperti yang ditetapkan Syarak. Wang simpanan tersebut adalah termasuk wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan berjangka tetap, akaun simpanan semasa, dan bentuk-bentuk simpanan yang lain di bank atau mana-mana institusi kewangan.

2. PEMBUKAAN AKAUN

- 2.1 Permohonan untuk membuka Akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberi kuasa oleh Pelanggan entiti-entiti perniagaan menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat pihak Bank, seperti umur, deposit minimum, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat-syarat tersebut dari masa ke semasa.
- 2.2 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dan pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun jika permohonan tersebut melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 2.3 Pelanggan hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan akan terikat dengan:
 - (a) Terma & Syarat Akaun;
 - (b) Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
 - (c) Undang-undang Malaysia.
- 2.4 Pelanggan hendaklah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk berurusan serta menggunakan keseluruhan atau mana-mana bahagian kredit dalam akaun Pelanggan mengikut budi bicara pihak Bank yang sewajarnya.

- 2.5 Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menggunakan wang simpanan tersebut di dalam mana-mana aktiviti-aktiviti perbankan (pembiayaan atau pelaburan) yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah dan yang dibenarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“APKI”). Sebarang keuntungan atau pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti perbankan yang dijalankan oleh pihak Bank akan disalurkan sepenuhnya kepada Bank.
- 2.6 Pemberian *hibah* kepada pihak Pelanggan adalah sepenuhnya atas keputusan pihak Bank. *Hibah* bermaksud pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang tanpa sebarang balasan.
- 2.7 Sebarang jumlah wang yang didepositkan atau apa-apa jumlah wang yang didepositkan seterusnya ke dalam Akaun Pelanggan di Bank hendaklah berdasarkan prinsip *Qard*. Pihak Bank adalah berhak untuk menolak mana-mana deposit yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti bukan-Syariah.

3. DEPOSIT DAN PENGELUARAN (AKAUN SIMPANAN)

- 3.1 Pelanggan bersetuju dan berwaad bahawa setiap deposit hendaklah disertai slip deposit yang ditetapkan, borang dan/atau resit yang dikeluarkan oleh Bank dan mengemukakan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika disahkan oleh mesin dan/atau melalui arahan lisan, diakui oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dan/atau oleh Pelanggan. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa pengesahan atau pengakuan ini dilakukan sebelum meninggalkan premis Bank.
- 3.2 Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran yang dibuat daripada Akaun Simpanan Pelanggan hendaklah dibuat:-
 - (a) oleh Pelanggan dan hendaklah disertai slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan oleh Bank dan/atau pengemukakan buku simpanan dan mungkin dikehendaki menunjukkan bukti pengenalan diri seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank; dan/atau
 - (b) melalui Mesin Juruwang Automatik (“ATM”). Pelanggan dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran melalui ATM hendaklah menurut terma dan syarat yang terpakai untuk ATM seperti yang ditentukan oleh Bank.
 - (c) oleh Pelanggan sama ada melalui arahan lisan atau selainnya dan/atau ditandatangani walaupun dokumen itu mungkin tidak dilengkapkan oleh Pelanggan untuk mengeluarkan apa-apa atau semua wang dalam mana-mana Akaun Perbankan Pelanggan. Selepas menandatangani dan/atau mengeluarkan wang, Pelanggan bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan berdasarkan arahan lisan Pelanggan yang diakui sewajarnya oleh Pelanggan melalui tandatangan Pelanggan hendaklah dianggap muktamad.
- 3.3 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa semua cek dan instrumen yang didepositkan, atau apa-apa pindahan sama ada melalui mel, melalui telegram atau elektronik diterima untuk pungutan hanya dan kecuali dengan pengaturan khas, tidak boleh dikeluarkan sehingga prosid telah diterima oleh Bank. Bank berhak menolak pungutan cek dan instrumen deposit yang pada pendapat Bank tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh Pelanggan.
- 3.4 Pelanggan bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat ini, Pelanggan terikat selanjutnya dengan syarat yang tercetak pada buku simpanan Akaun Simpanan Pelanggan atau risalah yang mengandungi terma dan syarat atau brosur atau di bahagian belakang slip deposit yang dilampirkan pada sampul deposit cek dan/atau pada resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai atau mesin deposit cek yang dibenarkan oleh Bank dan Terma Khas lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

4. PENGENDALIAN AKAUN

- 4.1 Pelanggan bersetuju dan mesti memastikan bahawa pengendalian akaun tidak akan bercanggah dengan prinsip Syariah.
- 4.2 Pelanggan atau pemberi pinjaman (yang mana berkenaan) boleh mengeluarkan atau menandatangani wang di kaunter Bank, perbankan internet dan mana-mana saluran terminal kemudahan automatik seperti Mesin Juruwang Automatik (“ATM”), Mesin Deposit Tunai (“CDM”) dan Terminal Deposit Cek (“CDT”) pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.
- 4.3 Pihak Bank akan mengeluarkan slip deposit kepada Pelanggan apabila memasukkan wang tunai atau cek. Pelanggan hendaklah memastikan segala butir-butir yang dikehendaki diisi dengan betul sebelum memasukkan cek atau wang tunai. Bukti urusan pada salinan pendua sama ada dengan pengesahan komputer atau disahkan oleh pegawai Bank yang bertugas. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa salinan pendua tersebut mempunyai pengesahan sebelum meninggalkan premis Bank. Salinan pendua hanya sah sebagai penerimaan resit sekiranya mempunyai pengesahan seperti yang dinyatakan.
- 4.4 Sebagai syarat pengeluaran dari Akaun di kaunter Bank, Pelanggan hendaklah menghadirkan diri ke cawangan Bank dan menyediakan Bank dengan pengenalan atau maklumat sebagai bukti pengenalan, dengan mengemukakan buku simpanan (jika berkenaan) dan/atau tandatangan Pelanggan pada sesetengah dokumen pengeluaran yang telah ditandatangani di hadapan kakitangan Bank. Pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- 4.5 Jumlah minimum untuk deposit atau pengeluaran melalui ATM adalah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan CDM adalah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) dan baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam akaun adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10).
- 4.6 Pelanggan hendaklah memastikan baki yang secukupnya dikekalkan di dalam Akaun bagi cek yang dikeluarkan.
- 4.7 Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh pihak Pelanggan sendiri di cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan buku simpanan (jika berkenaan) dan bukti pengenalan diri.

- 4.8 Pelanggan mengakui bahawa kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar seperti RENTAS, MEPS Interbank GIRO, deraf permintaan, perintah juruwang (cashier's order) adalah tertakluk kepada waktu batas harian Bank dan kesemua caj akan didebitkan ke akaun Pelanggan yang berkenaan.
- 4.9 Akaun boleh ditutup atas permintaan Pelanggan. Pelanggan hendaklah menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama atau secara alternatif, menghubungi pihak Bank dengan secara bertulis dengan menyertakan dokumen-dokumen pengenalan diri yang berkenaan sebagai bukti.
- 4.10 Sekiranya Pelanggan tidak dapat menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama, pihak Pelanggan boleh menghantar Surat Kebenaran Penutupan Akaun yang telah ditandatangani oleh penandatanganan sah yang berdaftar ke cawangan pegangan/utama melalui pos.
- 4.11 Pihak Bank mempunyai hak untuk menutup mana-mana Akaun serta-merta yang termasuk di bawah keadaan seperti berikut:
- Atas permintaan bertulis daripada Pelanggan;
 - Atas hasil carian dengan CTOS dan senarai negatif dalaman mengesahkan bahawa Pelanggan telah muflis atau disenarai hitamkan;
 - Atas budi bicara pihak Bank selepas memberi notis yang sewajarnya kepada Pelanggan; atau
 - Atas arahan oleh pihak berkuasa yang diluluskan atau melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 4.12 Pelanggan mestilah menyimpan sendiri Kad Debit dan buku cek dengan cermat dan selamat oleh kerana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan sekiranya disebabkan oleh kecuaiannya Pelanggan, orang yang tidak diberi kuasa memperolehi Kad Debit atau buku cek dan membuat telah penipuan pengeluaran daripada Akaun Pelanggan.
- 4.13 Pelanggan dikehendaki membayar caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) ataupun bersamaan dengan jumlah baki di dalam Akaun, yang mana lebih rendah sekiranya Akaun tersebut ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh pembukaan.
- 5. OPERASI AKAUN 'AMANAH'**
- 5.1 Apabila sesuatu akaun di amanahkan kepada orang lain, Pelanggan mengakujaji untuk mengendalikan akaun itu bagi kepentingan waris tersebut tetapi pihak Bank tidak perlu untuk mendapatkan kebenaran dari atau melihat kepada pelaksanaan apa-apa amanah bagi mana-mana individu, kecuali Bank sebaliknya bersetuju secara bertulis. Pelanggan boleh mengeluarkan wang atau menutup akaun mengikut peruntukan Terma dan Syarat ini. Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian atau liabiliti berhubung dengan operasi akaun, termasuk sebarang penutupan akaun tersebut, dan apa-apa pertikaian antara waris dan diri sendiri dan / atau mana-mana wakil peribadi melainkan jika kerugian atau liabiliti tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiannya melampau oleh pihak Bank.
- 5.2 Jika akaun diamanahkan ke atas dua (2) nama pemegang amanah, simpanan boleh dikeluarkan dan arahan yang diberikan oleh pemegang-pemegang amanah dilakukan secara bersama.
- 5.3 Sekiranya Pelanggan atau mana-mana waris meninggal dunia, pihak Bank berhak untuk melaksanakan haknya untuk mendebit akaun ke atas mana-mana hutang Pelanggan kepada Bank.
- 5.4 Sekiranya Pelanggan meninggal dunia, Bank di atas budi bicara mutlak, berhak untuk :
- Apabila pewaris atau pewaris-pewaris cukup umur, menutup akaun dan memindahkan wang ke dalam akaun waris-waris secara sama rata, atau membuka akaun baru atas nama pewaris dan akaun baru hendaklah dikendalikan mengikut arahan daripada pewaris; atau
 - Apabila waris atau waris-waris belum cukup umur, menutup akaun dan membuka akaun baru di atas nama wakil peribadi pelanggan sebagai amanah bagi waris atau memindahkan wang tersebut ke dalam akaun wakil peribadi pelanggan tersebut. Sebelum Bank mengambil apa-apa tindakan yang disebut dalam fasal ini, pihak Bank berhak meminta wakil pelanggan untuk mengemukakan sebarang dokumen berkaitan, peralatan atau bukti (termasuk sijil kematian) kepada pihak Bank sekiranya diperlukan.
- 5.5 Sekiranya waris pelanggan meninggal dunia, Bank hendaklah atas budi bicara mutlaknya menutup akaun tersebut dan membayar wang di dalam akaun kepada pelanggan.
- 5.6 Pelanggan berjanji untuk menanggung rugi Bank dan mengecualikan Bank daripada semua tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan walau bagaimanapun sekalipun timbul pada bila-bila masa termasuk yang timbul daripada:
- Penutupan akaun;
 - Pembukaan akaun baru; dan
 - Sebarang pertikaian di kalangan waris-waris, antara mana-mana waris dan mana-mana wakil persendirian;
- melainkan jika tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiannya melampau oleh pihak Bank
- 5.7 Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak perlu mengiktiraf mana-mana individu selain daripada Pelanggan, sebagai individu yang mempunyai kepentingan ke atas akaun tersebut.
- 6. CEK DAN BUKU CEK (UNTUK AKAUN SEMASA SAHAJA)**
- 6.1 Hanya cek yang dikeluarkan oleh Bank/wakil Bank yang mengandungi nombor akaun Pelanggan boleh digunakan untuk membuat pengeluaran daripada akaun.

- 6.2 Permohonan untuk mendapatkan buku cek hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan bercetak atau secara bertulis yang ditandatangani oleh Pelanggan atau kaedah-kaedah lain yang dibenarkan oleh Bank.
 - 6.3 Pelanggan akan memungut sendiri buku cek, atau sebaliknya membenarkan Bank menyerahkan buku cek tersebut kepada wakil Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan buku cek.
 - 6.4 Pelanggan bersetuju bahawa buku cek yang dikeluarkan kepada Pelanggan akan dimusnahkan sekiranya ia tidak dipungut atau tidak dapat disampaikan kepada Pelanggan dalam masa 30 hari daripada tarikh pengeluaran dan sebarang caj yang didebitkan sewaktu pengeluarannya tidak akan dipulangkan bagi menanggung kos pengeluaran buku cek tersebut. Bank berhak mengenakan caj ke atas cek yang dimusnahkan.
 - 6.5 Bank berhak untuk menolak pembayaran cek apabila (dalam pertimbangan Bank) cek tersebut tidak sama dengan contoh tandatangan yang diberikan terdahulu kepada Bank.
 - 6.6 Bank berhak menolak cek yang terdapat pindaan/kesilapan teknikal atau tidak menepati garis panduan penulisan cek yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak Bank.
 - 6.7 Kesemua arahan untuk menahan pembayaran cek mestilah dibuat secara bertulis atau mengandungi butiran lengkap cek tersebut iaitu nombor siri cek, tarikh, nama penerima dan jumlah. Arahan tersebut akan hanya berkuat kuasa setelah diterima oleh Bank di mana akaun Pelanggan dikendalikan. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kegagalan Pelanggan dalam melaksanakan arahan tersebut.
 - 6.8 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesalahan interpretasi pada cek sekiranya Pelanggan menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
 - 6.9 Pelanggan hendaklah menyimpan semua buku cek di tempat yang selamat. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan dan kerosakan jika cek tersebut digunakan oleh seseorang tanpa kebenaran.
 - 6.10 Pelanggan bersetuju bahawa semua cek tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil-hasil telah diterima oleh Bank. Bank berhak menolak pungutan cek yang pada pendapat Bank adalah tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh Pelanggan.
 - 6.11 Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun perbankan Pelanggan sebelum mengeluarkan cek.
 - 6.12 Pelanggan juga bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memanggil atau memaklumkan kepada Pelanggan sekiranya berlaku lebihan pengeluaran ke atas akaun Pelanggan hasil daripada pengeluaran cek.
 - 6.13 Lebihan sementara boleh diberikan hanya selepas tempoh perjanjian tamat yang telah dibuat dengan pihak Bank dan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Pelanggan dengan ini bersetuju jika lebihan ini dibenarkan oleh pihak Bank, maka setiap jumlah yang didahulukan oleh pihak Bank atas dasar pinjaman (*Qard*) perlu dibayar oleh Pelanggan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
 - 6.14 Pelanggan juga bersetuju untuk membayar semua fi dan caj, pampasan dan caj lain yang berkaitan, mana-mana yang berkenaan dengan lebihan sementara yang akan dikenakan oleh pihak Bank.
- 7. SISTEM PEMANGKASAN DAN PENUKARAN CEK (CTCS)**
- 7.1 Menurut garis panduan Bank Negara Malaysia tentang Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS), Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui yang berikut bahawa :
 - (a) penggunaan cap getah / meterai peribadi pada cek tidak dibenarkan;
 - (b) pendebitan Akaun Perbankan akan berdasarkan imej cek yang dikemukakan oleh bank pemungut;
 - (c) apa-apa permintaan untuk cek asal dikembalikan kepada Pelanggan selepas pembayaran dibuat tidak akan dipertimbangkan oleh Bank. Jika dipertimbangkan sekalipun, Bank hanya memberikan imej cek dan bukan cek fizikal;
 - (d) untuk cek dikembali masuk, Bank tidak akan mengembalikan kepada Pelanggan cek asal dan mungkin hanya mengirimitkan kepada Pelanggan sama ada dokumen dikembali masuk (dengan salinan imej cek asal) atau notis cek tak laku dengan risiko dan perbelanjaan ditanggung oleh Pelanggan.
 - 7.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pungutan cek asing adalah tertakluk pada semua kaedah, peraturan dan dasar yang terpakai untuk pungutan cek asing, sama ada terpakai untuk Bank, bank ejen atau bank asing.
- 8. PENDEPOSITAN CEK MELALUI MESIN DEPOSIT ATAU PETI DEPOSIT**
- 8.1 Pelanggan dengan ini membenarkan Bank untuk menerima pendepositan cek ke dalam Akaun Perbankan Pelanggan yang didepositkan melalui mesin deposit cek/peti deposit cek pantas yang disediakan oleh Bank bersama-sama sampul yang ditetapkan dan atau borang deposit yang disediakan oleh Bank (jika berkenaan). Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa apa-apa resit yang dicetak oleh mesin deposit cek adalah merupakan bukti cukup bahawa cek telah didepositkan ke dalam mesin tersebut dan bahawa Pelanggan tidak akan menyebabkan Bank bertanggungjawab atau bertanggung terhadap Pelanggan jika apa-apa cek tidak dilampirkan di dalam sampul yang ditetapkan atau borang deposit tidak diisi sepenuhnya dengan maklumat yang berkaitan atau jika borang yang ditetapkan diisi dengan nombor akaun, nama yang salah atau selainnya atau jika nombor akaun, nama atau amaun tidak dimasukkan dengan betul pada mesin deposit cek/peti deposit cek pantas.

- 8.2 Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa jika cek yang didepositkan melalui mesin deposit cek atau peti deposit cek pantas, jika berkenaan, tidak disertai sampul yang ditetapkan dan/atau slip deposit cek dan/atau nama dan/atau nombor akaun penerima tidak ditulis atau diisi pada slip deposit cek dan/atau di belakang cek dan/atau sampul tidak digamkan dan/atau cek tidak didepositkan ke dalam peti yang berkaitan dan/atau terdapat percanggahan antara nama dengan nombor akaun pada slip deposit cek dan cek yang didepositkan atau nombor akaun, nama dan/atau amaun tidak dimasukkan dengan betul pada mesin deposit cek atau cek itu adalah cek "Tunai" (kemudian daripada ini secara kolektif dirujuk sebagai "Ketaksamaan"), maka Bank berhak melaksanakan budi bicara mutlakinya untuk sama ada memungut cek tersebut atau tidak.
- 8.3 Jika Bank melaksanakan budi bicaranya untuk memungut cek tersebut yang mengandungi Ketaksamaan yang disebut sebelum ini, prosid cek tersebut yang dipungut oleh Bank boleh dikreditkan ke dalam Akaun Pemiutang Rampai yang diselenggarakan oleh cawangan Bank masing-masing. Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa prosid yang dipungut di bawah cek tersebut hendaklah disenggara dalam Akaun Pemiutang Rampai sehingga suatu masa Pelanggan membuat tuntutan bagi amaun masing-masing yang perlu dibayar kepada Pelanggan di bawah cek tersebut DENGAN SYARAT Pelanggan mengemukakan bukti dan atau dokumen yang memuaskan Bank.
- 8.4 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa Bank berhak meminta apa-apa dokumen dan/atau bukti tambahan seperti yang dianggap sesuai oleh Bank daripada Pelanggan.

9. PENYATA AKAUN

- 9.1 E-penyata boleh didapati di dalam perbankan Internet BMMB untuk Perbankan Internet Runcit (i-Muamalat) dan Perbankan Internet Korporat (i-Biz Muamalat). Oleh itu, tiada penyata bulanan akan dicetak dan di pos ke Akaun Individu Pelanggan dan Pelanggan Perbankan Internet Korporat. Namun, Penyata Akaun hendaklah disediakan atas permintaan secara ad-hoc oleh Pelanggan. Dalam hal ini, ad-hoc bermaksud permintaan Pelanggan secara tidak berkala/berjadual.
- 9.2 Pelanggan dikehendaki memeriksa setiap butiran di dalam penyata yang disediakan atau dihantar kepada Pelanggan dan melaporkan dengan segera kepada pihak Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakaturan, perselisihan, tuntutan atau pun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaiian atau pengeluaran daripada pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penyata dikeluarkan, penyata Akaun tersebut dianggap betul dan tepat.
- 9.3 Pelanggan bersetuju bahawa penyata baki bagi akaun semasa Pelanggan hanya akan dikeluarkan sekali dalam sebulan.
- 9.4 Hanya penyata baki akaun yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap sebagai sah kecuali sekiranya dipertikaikan pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bank dilindungi dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan yang tidak dibenarkan pada penyata baki akaun yang dikeluarkan oleh Bank, atau dengan penyalahgunaan, penerimaan atau penggunaan tanpa kebenaran.
- 9.5 Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan gagal memaklumkan pihak Bank secara bertulis tentang isu penyata tidak disediakan atau tidak menerima penyata dari Bank untuk memaklumkan kepada Bank sebarang kesilapan, percanggahan tuntutan atau barangan tanpa kebenaran debit atau kredit dalam penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh yang sama, akaun atau rekod-rekod Bank adalah terbukti sebagai catatan transaksi urusaniaga dan baki yang muktamad bagi akaun tersebut dan Pelanggan hendaklah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata sebagai benar dan tepat dalam semua aspek. Mana-mana pindaan selanjutnya ke atas penyata-penyata hendaklah mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.
- 9.6 Pihak Bank berhak, dengan mengeluarkan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan, menambah dan/atau mengubah perkara di dalam penyata akaun dan arahan transaksi, arahan deposit dan rekod jika terdapat mana-mana perkara atau amaun yang tidak betul atau hilang seperti yang dinyatakan dalam dokumen tersebut. Pihak Bank seterusnya akan memaklumkan kepada Pelanggan.
- 9.7 Bank boleh membatalkan, memulangkan, menuntut bayaran balik, mendebit Akaun, menyebabkan jumlah supaya tidak mencukupi untuk pengeluaran atau menganggap akaun tersebut sebagai terlebih pengeluaran dan membuat palarasan yang sepadan ke atas penyata, arahan pengesahan atau buku akaun sekiranya:
 - (a) Bank perlu membetulkan sebarang kesilapan;
 - (b) Bank dikehendaki untuk mengembalikan dana kepada pembayar;
 - (c) Bank masih belum menerima dana yang telah dijelaskan dan tidak bersyarat secara sepenuhnya dalam masa yang telah ditetapkan; dan
 - (d) Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk berbuat demikian atas sebab-sebab lain atau terdapat pelanggaran terhadap peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.

10. MESIN TELER AUTOMATIK ("ATM")

- 10.1 Kad Debit akan dikeluarkan untuk pemegang akaun bersama di mana penandatanganan adalah salah seorang daripada pemegang Akaun. Kad Debit tidak akan dikeluarkan untuk entiti perniagaan kecuali pemilikan tunggal.
- 10.2 Ringgit Malaysia Satu (RM1) bagi setiap pengeluaran ATM MEPS akan dikenakan. Fi tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas (RM12) akan dikenakan untuk kad Debit dan akan didebitkan daripada Akaun Pelanggan.
- 10.3 Pelanggan bertanggungjawab untuk mengaktifkan dan menukar PIN, melalui ATM, yang telah ditetapkan oleh pihak Bank dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas pengeluaran kad Debit. PIN kad Debit yang telah ditentukan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan

kepada mana-mana pihak di dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, atau dituliskan, jika gagal berbuat demikian sebarang penggunaan tanpa kebenaran akan ditanggung oleh Pelanggan.

11. PINDAHAN DANA DARIPADA AKAUN PERBANKAN MELALUI ATM DAN/ATAU PERKHIDMATAN PERBANKAN ELEKTRONIK

11.1 Jika Pelanggan memindahkan apa-apa dana daripada mana-mana Akaun Perbankan Pelanggan kepada mana-mana Akaun Perbankan Pelanggan atau kepada mana-mana Akaun Perbankan milik pihak ketiga, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa amaun itu hendaklah didebitkan secara automatik daripada Akaun Perbankan Pelanggan apabila selesai transaksi dan dianggap dipindahkan kepada Akaun Perbankan yang menerima dan bahawa Pelanggan tidak berhak meminta Bank membayar balik atau mengkredit balik Akaun Perbankan Pelanggan.

12. ARAHAN TETAP / URUSNIAGA ANTARA BANK GIRO

12.1 Walaupun menerima sebarang arahan tetap atau urusniaga antara bank GIRO daripada Pelanggan, Bank tidak bertanggungjawab untuk mematuhi sebarang arahan sedemikian jika pada tarikh tertentu yang dinyatakan untuk pembayaran melalui Bank, sekiranya didapati tiada dana atau dana yang terdapat di dalam akaun tidak mencukupi. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang arahan tetap atau urusniaga antara bank GIRO sekiranya dana yang diterima di dalam akaun pada sebarang hari selepas daripada tarikh pembayaran yang seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank. Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana perjanjian antara pihak Bank dan Pelanggan, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi keengganan atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana arahan atau urusniaga antara bank GIRO yang diterima daripada Pelanggan.

12.2 Atas budi bicara mutlak Bank berhak menamatkan Arahan Tetap/Ususniaga antara Bank Giro pada bila-bila masa apabila mendapati baki akaun tidak mencukupi dengan notis. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesan akibat daripada penamatan.

13. AKAUN DORMAN

13.1 Akaun dormant ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran dan deposit) selama dua belas (12) bulan tidak termasuk yang dilakukan oleh pihak Bank.

13.2 Apabila akaun dianggap sebagai dormant, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh Pelanggan sahaja (pemegang akaun) dengan mendeposit tanpa sebarang caj dikenakan atau pengeluaran di mana-mana cawangan Bank.

13.3 Jika tiada pengaktifan daripada pihak Pelanggan, pihak Bank berhak untuk menutup Akaun tersebut dengan baki yang dinyatakan di bawah dan baki tersebut akan diserap oleh pihak Bank sebagai fi perkhidmatan:

No.	Jenis Akaun	Baki Diserap Sebagai Fi Servis
1.	Akaun Semasa-i	RM 10
2.	Akaun Simpanan-i	RM 10
3.	Akaun Semasa Asas dan Akaun Simpanan Asas	RM 10

13.4 Bagi akaun dormant dengan baki yang melebihi jadual di atas, pihak Bank akan mengenakan caj servis tahunan tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) sehingga baki selebihnya dihantar ke Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965.

14. WANG TAK DITUNTUT

14.1 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh pihak Pelanggan bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Pelanggan akan diberi notis dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("RUM").

15. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

15.1 Tiada sebarang perubahan dalam maklumat Pelanggan, alamat, nombor telefon, nombor faksimili, atau lain-lain maklumat Pelanggan yang telah direkodkan oleh pihak Bank, walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan Pelanggan telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijalankan. Sebarang komunikasi yang dihantar oleh pihak Bank melalui penghantaran elektronik dan/atau servis pesanan ringkas dan/atau melalui pos kepada alamat pihak Pelanggan yang telah di daftarkan kepada pihak Bank, adalah dianggap sebagai sudah dihantar kepada pihak Pelanggan dan diterima oleh pihak Pelanggan melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

15.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga (3) hari sekiranya terdapat perubahan pada tandatangan dan penandatanganan, penukaran rakan kongsi (untuk akaun perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk akaun persatuan), penukaran Undang-Undang Tubuh Syarikat (untuk akaun syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di tempat alamat terakhir Pelanggan yang

didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada Pelanggan melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

16. OPERASI BAGI AKAUN INDIVIDU / AKAUN BERSAMA

- 16.1 Pelanggan sebagai seorang individu, waris atau pentadbir Pelanggan hendaklah menjadi satu-satunya orang yang diiktiraf oleh pihak Bank sebagai pengganti Pelanggan sekiranya Pelanggan meninggal dunia. Setelah notis kematian Pelanggan diterima, pihak Bank berhak untuk membekukan akaun sehingga pengganti Pelanggan mengemukakan sijil pengesahan wasiat atau surat akuan.
- 16.2 Keluarga terdekat seperti pasangan, anak, abang atau kakak dan ibu bapa mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas, atau mana-mana pewaris mengikut undang-undang.
- 16.3 Bagi akaun bersama, mana-mana baki kredit di dalam Akaun, selepas pengeluaran oleh keluarga terdekat atau waris sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) boleh dibayar kepada pihak penuntut yang sah tertakluk kepada apa-apa duti harta pusaka (jika berkenaan) atau apa-apa bentuk perundangan lain yang serupa.
- 16.4 Jika akaun dibuka atas nama dua individu atau lebih ('Akaun Bersama'), individu tersebut hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang ditanggung ke atas Akaun Bersama.
 - (a) Akaun Bersama yang dikendalikan dengan pengesahan tandatangan tunggal, arahan daripada salah seorang pemegang Akaun Bersama akan diterima oleh pihak Bank dan arahan tersebut dianggap telah dipersetujui oleh pemegang Akaun Bersama yang lain. Jika, sebelum Bank bertindak atas arahan yang diterima daripada salah seorang pemegang Akaun Bersama, Bank menerima arahan yang bercanggah daripada pemegang akaun bersama yang lain, pihak Bank boleh memilih untuk bertindak hanya selepas kesemua pemegang Akaun Bersama memberi persetujuan, tanpa mengambil kira bahawa Akaun Bersama memerlukan pengesahan tandatangan tunggal.
 - (b) Bagi Akaun Bersama yang dikendalikan dengan kuasa menandatangani perjanjian bersama, arahan lisan tidak akan diterima oleh pihak Bank. Arahan bertulis boleh diberikan oleh pemegang akaun samada satu atau pun lebih, di mana jika semua diterima bersama-sama akan dianggap sebagai dokumen yang sama.
 - (c) Pihak Bank berhak untuk menolak untuk menerima cek atau instrumen kewangan yang dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama untuk dibayar ke dalam akaun bersama. Sekiranya pihak Bank menerima sebarang cek atau instrumen kewangan yang dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama, pemegang akaun bersama hendaklah bersetuju untuk menanggung sebarang kerugian bagi pihak Bank akibat daripada sebarang kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada penerimaan cek atau instrumen kewangan tersebut melainkan jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.
 - (d) Apabila Pelanggan meninggal dunia (bagi individu beragama Islam / pemegang akaun bersama Islam), waris boleh menuntut sejumlah amaun tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) daripada Akaun tersebut bagi tujuan perbelanjaan pengebumian dan kos yang berkaitan yang dinilai sebagai perlu oleh pihak Bank dan pihak Bank tidak akan pada bila-bila masa dipertanggungjawabkan terhadap pengeluaran tersebut. Sebarang baki kredit hanya dibayar kepada pengganti pemegang Akaun setelah mengemukakan Surat Pentadbiran daripada Mahkamah Tinggi/'Grant of Probate' daripada Mahkamah Tinggi, atau Perintah Pembahagian Harta daripada Pejabat Tanah atau Surat Akuan atau Surat Perintah daripada Amanah Raya Berhad ("ARB") (jika berkenaan).
 - (e) Bagi pemegang akaun bersama yang bukan beragama Islam, sekiranya berlaku kematian kepada sama ada/atau salah seorang daripada pemegang akaun bersama, sebarang baki yang terdapat di dalam akaun bersama tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup mengikut peruntukan yang berkenaan, tertakluk kepada kanun undang-undang (jika diperlukan) dengan undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa pada masa itu, tertakluk kepada jaminan oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dilakukan akibat daripada pembayaran yang dilakukan oleh pihak Bank.
 - (f) Pemegang akaun bersama dan hartanya, bersama-sama dengan pemegang akaun bersama yang lain, mengaku janji untuk menjamin dan memastikan pihak Bank dikecualikan daripada sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan, termasuk yang timbul daripada:
 - i. Pembekuan Akaun Bersama dan pengekalan baki kredit di dalam Akaun Bersama dengan cara yang dinyatakan seperti yang dinyatakan di atas; dan
 - ii. Sebarang pertikaian di antara Pemegang-Pemegang Akaun Bersama dan wakil-wakil peribadi kepada pemegang Akaun Bersama yang meninggal dunia, Bank berhak untuk mendebit dari Akaun Bersama di atas sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan mengikut budi bicara mutlak pihak Bank melainkan jika tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.
- 16.5 Apabila sijil pengesahan wasiat atau surat kuasa diserahkan, pihak Bank boleh, atas permintaan Pelanggan, untuk membuka akaun di atas nama harta pusaka si mati. Pemegang amanah, pentadbir harta pusaka atau wakil peribadi si mati hendaklah mengendalikan akaun tersebut seperti yang tercatat di dalam sijil pengesahan wasiat atau surat akuan yang diserahkan.

- 16.6 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau surat cara boleh niaga kepada sama ada atau pun kepada salah seorang daripada pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan untuk menyerahkan sebarang surat cara boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada akaun bersama atau pun kepada salah seorang Pelanggan akaun bersama.
- 16.7 Cek pada akaun ini akan ditandatangani oleh penandatanganan yang dibenarkan yang disebut di bawah operasi Akaun dan kuasa mereka akan dilanjutkan kepada penutupan akaun.
- 16.8 Sebarang pengeluaran oleh mana-mana pihak adalah berdasarkan perjanjian anantara kedua-dua pemegang akaun bersama, kecuali penutupan akaun boleh dilaksanakan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
- 16.9 Pelanggan secara bersama dan berasingan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana akibat daripada pemberikuasaan berkenaan dengan deposit dan pengendalian Akaun Pelanggan kecuali bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kecuaiian, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.

17. AKAUN PERKONGSIAN

- 17.1 Rakan kongsi bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi semua liabiliti dalam Akaun Perkongsian dan bahawa semua peruntukan yang mengawal Akaun Perkongsian dan perkhidmatan padanya mengikat rakan kongsi secara bersama dan berasingan.
- 17.2 Arahan dan mandat yang diberikan pengendalian Akaun Perkongsian hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan dan mandat baharu dan hendaklah terpakai walaupun terdapat apa-apa perubahan dalam keanggotaan firma sama ada melalui kematian, kebangkrutan, persaraan atau selainnya dan/atau kemasukan rakan kongsi baharu dan/atau penamatan apa-apa kuasa mana-mana rakan kongsi firma. Sekiranya Akaun Perkongsian adalah akaun semasa dengan kemudahan perbankan lain, jika berlakunya kematian salah seorang rakan kongsi, Bank berhak membekukan akaun tersebut dan memutuskan tindakan yang seterusnya menurut budi bicara penuh dan mutlak.
- 17.3 Tertakluk kepada fasal Pembekuan Akaun di bawah, jika berlaku kebangkrutan pada mana-mana rakan kongsi firma, Bank boleh, menurut budi bicara mutlak, atas permintaan salah seorang/sesiapa daripada rakan kongsi dengan syarat orang yang meminta itu adalah pihak yang sah, membenarkan pengeluaran akaun daripada Akaun Perkongsian seperti yang dianggap sesuai oleh Bank menurut budi bicara mutlak dan penuhnya.

18. AKAUN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD ("AKAUN LLP")

- 18.1 Rakan kongsi bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi semua liabiliti dalam Akaun LLP dan bahawa semua peruntukan yang mengawal Akaun LLP dan perkhidmatan padanya hendaklah mengikat rakan kongsi secara bersama dan berasingan.
- 18.2 Berkenaan dengan apa-apa Akaun LLP yang dibuka dan disenggarakan oleh perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, pihak Bank dengan ini diberi kuasa untuk meneruskan pengendalian Akaun Perbankan walaupun terdapat perubahan dalam keanggotaan liabiliti firma perkongsian terhad disebabkan oleh kematian, kebangkrutan atau persaraan atau sebaliknya yang terjadi kepada mana-mana rakan kongsi. Jika rakan kongsi yang terlibat adalah penandatanganan kepada Akaun Perbankan, arahan baharu dan mandat hendaklah dikeluarkan segera kepada pihak Bank bagi pengendaliannya. Sebarang kegagalan untuk memberikan Bank arahan baharu dan mandat akan menyebabkan pihak Bank berhak untuk menolak apa-apa permohonan untuk pengeluaran atau pemindahan wang daripada Akaun LLP tersebut.
- 18.3 Pihak Bank berhak untuk meminta Akaun LLP yang disenggara di bawah syarikat persendirian atau perkongsian untuk ditutup dan Akaun LLP yang baharu hendaklah dibuka untuk perkongsian liabiliti terhad itu.
- 18.4 Rakan kongsi bersetuju untuk menanggung rugi dan menyelamatkan pihak Bank daripada sebarang bahaya terhadap apa-apa jua tuntutan daripada mana-mana pihak atau ganti rugi yang perlu ditanggung oleh pihak Bank yang bergantung kepada semua maklumat, perwakilan, dan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Bank, termasuk juga Resolusi yang dikemukakan oleh LLP untuk membuka dan mengoperasi LLP, melainkan jika tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampaui oleh pihak Bank.

19. PEMBEKUAN DAN PENGGANTUNGAN AKAUN

- 19.1 Pelanggan bersetuju bahawa Pihak Bank berhak untuk membekukan Akaun Pelanggan pada bila-bila masa ketika berlaku salah satu daripada peristiwa yang berikut:
 - (a) Menuruti arahan daripada Pengawal Selia dan/atau Pihak Berkuasa seperti BNM, pihak Polis, SPRM atau perintah penyiasatan atau mahkamah, kebangkrutan pemegang akaun, penutupan syarikat atau ketidakwarasan Pelanggan;
 - (b) Sekiranya pihak Bank mengesyaki bahawa Akaun Pelanggan digunakan untuk atau terlibat dalam penipuan atau aktiviti penipuan yang disyaki, atau pihak Bank pada pendapatnya berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada pihak Bank untuk membuka Akaun adalah didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau digubah dan/atau penyalahgunaan identiti;
 - (c) Sekiranya pihak Bank, pihak Polis dan/atau pihak Berkuasa melakukan penyiasatan ke atas sebarang transaksi haram atau disyaki transaksi haram yang dilakukan melalui Akaun, penyalahgunaan atau kecurigaan atas penyalahgunaan Akaun atau sebarang

transaksi penipuan berkenaan dengan Akaun termasuk tetapi tidak terbatas kepada penyerahan cek yang tidak berhak diterima oleh Pelanggan;

- (d) Berdasarkan laporan Polis yang dibuat terhadap Pelanggan berkenaan dengan Akaun, oleh pihak Bank atau individu lain;
 - (e) Sekiranya terdapat kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan yang didepositkan melalui Pelanggan adalah ditangguhkan, ditarik balik atau dihentikan dengan apa-apa alasan oleh pihak Bank;
 - (f) Sekiranya berlaku kematian pemegang akaun dan/atau penandatanganan yang diberi kuasa bagi mengendalikan akaun untuk perkongsian dan/atau Syarikat atau mana-mana entiti yang sah, pihak Bank akan terus membekukan Akaun tersebut sehingga mendapat mandat yang baru atau penandatanganan baru yang diberi kuasa yang diberikan kepada Bank;
 - (g) Apabila pihak Bank mengetahui adanya cek dan/atau instrumen kewangan dan/atau jumlah wang yang telah dikreditkan ke dalam Akaun adalah akibat daripada pemalsuan dan/atau pengubahan instrumen dan/atau arahan dan/atau penipuan transaksi, dengan atau tanpa penglibatan Pelanggan; atau
 - (h) Apabila pihak Bank diberitahu tentang aduan yang dibuat oleh pihak ketiga bersama-sama dengan Pihak Berkuasa bahawa Akaun tersebut telah digunakan untuk melakukan penipuan transaksi dan/atau deposit dan/atau penipuan dan/atau meminta deposit haram, dengan syarat lebih lanjut kebijaksanaan Bank mengenai pembekuan Akaun hendaklah mengikut pendapat dan budi bicaranya berdasarkan penyiasatan dalamannya sendiri atau maklumat yang disediakan kepadanya oleh Pihak Berkuasa.
 - (i) Apabila pihak Bank menerima apa-apa arahan atau perintah daripada Agensi Penguatkuasa Undang-undang (LEA) seperti yang termaktub dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA); atau
 - (j) Sekiranya nama Pelanggan menyamai Senarai Domestik, Senarai Resolusi Majlis Keselamatan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) dan/atau pihak yang berkaitan mengikut prosedur AMLA.
- 19.2 Fasal di atas merujuk kepada pemegang akaun individu, akaun bersama atau akaun firma di bawah pemilikan tunggal atau perkongsian.
- 19.3 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa Pembekuan atau Penggantungan Akaun tersebut akan dihentikan atau dikeluarkan apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
- (a) Berkenaan dengan perihal Insolvensi, Pelanggan perlu menunjukkan bukti-bukti yang bersesuaian sehingga mencapai kepuasan pihak Bank bahawa petisyen penggulungan atau mufliis telah ditarik atau ditolak secara sah atau permohonan ditolak atau dibatalkan oleh Mahkamah atau yang mana seseorang atau lebih ramai pengarah kami dihukum bankrap, pihak Bank diberi mandat baru berkenaan perubahan penandatanganan Akaun dan berpuas hati bahawa mandat baru tersebut disahkan oleh lembaga pengarah, atau pihak Bank diserahkan dengan perintah mahkamah yang sesuai yang menjatuhkan penarikan Pembekuan atau Penggantungan Akaun;
 - (b) Berkenaan dengan Arahan Pihak Berkuasa, pihak Bank telah dimaklumkan secara tertulis oleh Pihak Berkuasa mengenai penarikan Pembekuan dan Penangguhan Akaun, atau sebagai alternatif perintah mahkamah yang sesuai telah disampaikan kepada pihak Bank yang menjatuhkan penarikan Pembekuan dan Penggantungan Akaun;
 - (c) Sehubungan dengan penyiasatan oleh Bank atau Pihak Berkuasa, pihak Bank berpuas hati bahawa tidak ada penyelidikan lebih lanjut yang diperlukan atau pihak Bank diserahkan dengan pemberitahuan oleh Pihak Berkuasa bahawa penyelidikan telah dihentikan dan Akaun tersebut tidak lagi mempunyai kaitan dengan siasaan yang sedang dijalankan;
 - (d) Berkenaan dengan kematian pemegang akaun tunggal, apabila diserahkan kepada pihak Bank pemberian surat kuasa atau surat pentadbiran oleh waris si mati atau apa-apa bentuk lain yang berkaitan daripada Pejabat Tanah dan/atau mana-mana badan yang diluluskan di bawah undang-undang yang berkaitan yang berlaku pada waktu itu, atau mandat baru dengan penandatanganan baru yang sah untuk mengendalikan perkongsian dan/atau Syarikat atau Akaun entiti tersebut diserahkan kepada Bank; atau
 - (e) Berkenaan dengan jumlah tertunggak yang harus dibayar kepada pihak Bank, apabila pihak Bank melaksanakan hak hukumnya untuk mengimbangi jumlah tersebut terhadap baki Akaun.
- 19.4 Dalam Pembekuan dan Penggantungan Akaun menurut terma dan syarat di sini termasuk apa-apa tindakan yang mungkin diambil oleh pihak Bank seperti mengembalikan cek atau instrumen lain sama ada disimpan untuk pungutan atau pembayaran seperti yang diperuntukkan di sini, Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggung jawab untuk dan/atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian kerosakan kos perbelanjaan atau caj yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan dan/atau dituntut terhadap pihak Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank (termasuk kos undang-undang ke atas peguam dan asas Pelanggan) dan sehubungan dengan itu, Pelanggan selanjutnya bersetuju untuk melindungi pihak Bank sepenuhnya daripada sebarang tuntutan untuk kerugian kos perbelanjaan atau caj (termasuk fi undang-undang atas dasar peguam dan Pelanggan) yang mungkin dibuat terhadap Bank atau mana-mana pihak.
- 19.5 Pelanggan hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan Akaun bersama bukti yang sesuai dengan memuaskan hati pihak Bank bahawa tindakan itu telah dikeluarkan.

20. AKAUN PELANGGAN GUAMAN

20.1 Hanya rakan kongsi dan/atau rakan-rakan kongsi, (bagi kes pemilikan tunggal, pemilik tunggal) sesebuah firma boleh menjadi penandatanganan yang dibenarkan untuk operasi Akaun.

20.2 Firma hendaklah mengemukakan perakuan amalan pada setiap tahun dan insuran indemniti profesional semasa firma kepada pihak Bank.



- 20.3 Pihak Bank adalah berhak untuk menutup firma dan/atau akaun Pelanggan (Akaun Amanah) dengan arahan daripada Majlis Peguam menurut peraturan dan/atau Perintah Mahkamah.
- 20.4 Pihak Bank berhak untuk mengasingkan wang milik pihak Pelanggan yang merupakan residen daripada wang milik pihak Pelanggan yang bukan residen kepada akaun ringgit yang telah dibuka oleh firma guaman yang bukan residen untuk pihak Pelanggan.

21. UNDANG-UNDANG

- 21.1 Terma & Syarat ini adalah tertakluk, dikawal serta ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, peraturan dan garis panduan BNM dan peraturan badan-badan dan autoriti yang berkaitan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

22. FIDAN CAJ

- 22.1 Caj akan dikenakan berdasarkan kepada Caj Bank. Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM dan lain-lain autoriti yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- 22.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah fi dan caj berkaitan dengan Akaun ini dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau komunikasi mengenai perubahan tersebut, dan apa-apa notis atau komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian, atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak Pelanggan di alamat terkini yang direkodkan oleh pihak Bank, atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar, atau email, atau laman sesawang, atau khidmat pesanan ringkas atau apa cara yang bersesuaian yang dinilai oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau dihantarkan di alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada Pelanggan melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

23. CUKAI PEGANGAN

- 23.1 Pelanggan memberi kuasa kepada pihak Bank atas budi bicara pihak Bank untuk menolak jumlah tertentu daripada pendapatan bersih sebagai simpanan untuk mengekalkan tahap konsisten dalam pengagihan keuntungan. Cukai pegangan, jika ada, akan ditolak dan keuntungan berbayar, pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa.

24. LIABILITI BANK

- 24.1 Sekiranya terdapat mana-mana cek, draf, wang pos dan kiriman wang Pelanggan, dan lain-lain yang hilang, tersalah letak, dirosakkan atau dimusnahkan semasa urusan pungutan biasa Bank, dengan ini Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian, liabiliti atau ganti rugi yang Pelanggan mungkin alami, tanggung atau dipertanggungjawabkan berikutan berlakunya kejadian sedemikian melainkan jika kerugian atau liabiliti tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.
- 24.2 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak Pelanggan atau atas permohonan Pelanggan, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik Pelanggan yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank mempunyai hak untuk menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga demikian yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menolak cek-cek Pelanggan sehingga liabiliti diselesaikan.
- 24.3 Dengan ini, Pelanggan memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia menurut arahan mereka dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi-institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang suci hati. Dengan berbuat demikian, Bank hendaklah dilepaskan daripada apa juga tanggungjawab atau liabiliti.
- 24.4 Sekiranya Bank melantik atau terpaksa melantik peguamcara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan akaun Pelanggan, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun bagi kos, fi dan caj berkenaan.
- 24.5 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan Pelanggan akan menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan atau Bank dengan mana-mana atau semua akaun Bank, atau berikutan pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank Pelanggan atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau rasmi melainkan jika kerugian, kos, dan perbelanjaan tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.
- 24.6 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang Pelanggan alami, seandainya Bank mematuhi atau tidak mematuhi arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh Pelanggan yang tidak lengkap atau tidak jelas atau sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian atau disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, dan/atau pemalsuan berikutan kecuaiian Pelanggan, permusuhan, terputus bekalan elektrik atau perhubungan atau sistem rangkaian telekomunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan, atau kerosakan mesin dan peralatan.

24.7 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh pihak Pelanggan atau wakil yang dibenarkan oleh Pelanggan, merupakan pembayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada Pelanggan dan mana-mana pihak yang berkenaan.

25. HAK UNTUK MENOLAK-SELESAIKAN

25.1 Pelanggan bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada lien umum atau hak-hak Bank yang diperakui oleh undang-undang, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun perbankan Pelanggan walau apa jua sifatnya, di mana-mana cawangan Bank berserta liabiliti kepada pihak Bank dan menolak-selesaikan atau memindahkan sebarang jumlah wang yang berada pada kredit dalam mana-mana atau kesemua akaun perbankan dalam atau terhadap penyelesaian mana-mana liabiliti Pelanggan, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa kini, masa hadapan, sebenar atau kontingen, yang berada pada kredit dalam mana-mana akaun perbankan Pelanggan hendaklah setakat mana yang diperlukan untuk melindungi liabiliti tersebut atau sebarang jumlah wang yang terhutang kepada pihak Bank.

25.2 Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberitahu atau memulangkan sebarang amaun yang telah salah dikreditkan ke Akaun Pelanggan melalui apa-apa cara sekalipun atau telah dikreditkan dengan betul tetapi kemudiannya gagal disebabkan oleh pengiriman atau pihak pembayar, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan tanpa notis, untuk mendebitkan daripada Akaun Pelanggan sebarang jumlah yang telah salah dikreditkan ke dalam Akaun tersebut.

26. HAK BANK UNTUK MENDEBIT AKAUN PERBANKAN

26.1 Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mendebitkan Akaun Perbankan Pelanggan tanpa sebarang notis ke atas apa-apa jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan Pelanggan akibat daripada keraguan melalui apa jua instrumen/arahan/penipuan transaksi, sama ada dengan/ tanpa penglibatan Pelanggan.

27. PENUTUPAN AKAUN PERBANKAN

27.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak:-

- (a) Menutup mana-mana Akaun Perbankan jika nama Pelanggan terdapat dalam Senarai Hitam yang dikeluarkan oleh Biro Kredit, Bank Negara Malaysia dengan memberikan Pelanggan notis empat belas (14) hari tentang hasrat tersebut.
- (b) Menutup mana-mana Akaun Perbankan walau atas apa-apa sebab sekalipun dengan memberikan notis empat belas (14) hari tentang hasrat tersebut dan Bank hendaklah tidak terikat untuk mendedahkan apa-apa sebab baginya.

28. PENGGANTI TERIKAT

28.1 Terma dan Syarat ini adalah mengikat ke atas waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik, dan pengganti jawatan dan orang yang ditugaskan oleh Bank. Pelanggan tidak akan menyerahkan apa-apa hak dan kepentingan Pelanggan dalam Akaun Perbankan atau perkhidmatan itu. Obligasi dan liabiliti Pelanggan hendaklah diteruskan walaupun terdapat apa-apa perubahan melalui penyatuan, pembentukan semula atau selainnya dalam perlembagaan Bank.

29. PENEPIAN

29.1 Kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan atau ketinggalan untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang disediakan di bawah Terma dan Syarat hendaklah dianggap sebagai pengecualian atau persetujuan berhubung keingiran demikian yang akan memberi kesan atau mengurangkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di dalam ini.

30. KEBOLEHASINGAN

30.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, dengan itu kesahihan, kesahan dan ketidakbolehuatkuasaan peruntukan peruntukan yang lain tidak boleh dalam apa jua cara terkesan atau berkurangan.

31. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)

31.1 Tertakluk kepada versi terkini Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") termasuk mana-mana pindaan semula kanun atau enakmen, apa-apa jumlah akan dilindungi sehingga tahap maksimum iaitu Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM 250,000.00) sahaja termasuk jumlah deposit permulaan dan dividen (keuntungan).

31.2 Untuk akaun amanah, untuk pembukaan akaun tersebut, pemegang amanah hendaklah menyerahkan maklumat-maklumat berikut kepada pihak Bank:

- (a) Satu pernyataan bahawa deposit di dalam akaun amanah tersebut dipegang sebagai amanah oleh pemegang amanah;
- (b) Nombor akaun amanah;
- (c) Nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor pasport atau apa-apa pengenalan diri pemegang amanah yang diterima oleh penerima deposit;
- (d) Nama dan alamat setiap waris atau kod abjad-angka atau apa-apa kod atau pengenalan diri waris; dan
- (e) Amaun atau peratusan kepentingan setiap waris dalam akaun amanah.

- 31.3 Bagi tujuan Peraturan ini, seorang pemegang amanah yang tidak mematuhi perkara 31.2 di atas akan tetapi mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada Bank selepasnya hendaklah disifatkan sebagai membuka akaun amanah yang baharu di bawah perkara 31.2 pada tarikh penyerahan maklumat tersebut.
- 31.4 Wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan adalah tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan kepada:
- Akaun deposit dibayar di luar Malaysia;
 - Akaun Deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan Islam Labuan;
 - Akaun Deposit yang dipegang oleh Bukan Ahli Pengambilan Deposit; atau
 - Akaun bukan Deposit (Contoh: Unit amanah, akaun dagangan sekuriti, Lembaga Tabung Haji, Unit Amanah ASNB, akaun emas, dan lain-lain akaun bukan Deposit yang berkaitan).

32. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI DAN DATA PELANGGAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 ("IFSA") DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

- 32.1 Pihak Pelanggan memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, mengekalkan, menyimpan, dan mengawal data peribadi Pelanggan kepada entiti-entiti lain yang mempunyai hubungan bersama BMMB, termasuklah cawangan-cawangan BMMB dan juga syarikat subsidiari dan pihak-pihak luar, termasuk juga namun tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang tersenarai di dalam fasal 32.2 di bawah.
- 32.2 Pihak Pelanggan juga memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk melaksanakan penyemakan kredit dan memastikan bahawa maklumat yang Pelanggan beri adalah sah di dalam perisian Akaun Perbankan atau perkhidmatan bersama-sama dengan biro-biro kredit atau pembangunan korporat yang bertujuan untuk mengumpul dan membekalkan maklumat kredit atau maklumat lain. Pihak Pelanggan juga memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan status kewangan Pelanggan, maklumat akaun, perhubungan akaun bersama Bank, termasuk juga baki kredit kepada:
- kerajaan atau penguasa peraturan di Malaysia dan penguasa peraturan di mana-mana sahaja, termasuklah Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
 - syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan bersama Bank oleh sebab seksyen 7 di bawah Akta Syarikat 2016, atau mana-mana syarikat bersekutu di bawah bank;
 - pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk pembekal-pembekal luar, peguam-peguam, calon-calon, penjaga-penjaga, organisasi pemegang saham atau pendaftar, agen-agen pungutan hutang) kepada Bank;
 - ejen-ejen Bank, perunding-perunding, dan penasihat-penasihat profesional;
 - pihak polis atau mana-mana pegawai perisikan yang melaksanakan penyiasatan; dan
 - mana-mana pihak yang dibenarkan untuk didedahkan atau diwajibkan oleh undang-undang, syarat-syarat, atas arahan atau permintaan daripada pihak kerajaan.
- 32.3 Pihak Bank boleh, mengikut kepada pematuhan yang terdapat pada terma dan syarat, menggunakan atau meletakkan di mana-mana maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan setelah dikumpulkan, dikompilkan, atau diperolehi daripada Bank melalui, atau apa-apa cara dengan tujuan mendapatkan maklumat tersebut seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.
- 32.4 Pihak Pelanggan telah bersetuju bahawa kakitangan Bank, kontraktor-kontraktor bebas, wakil-wakil atau agen-agen untuk menghubungi Pelanggan dari semasa ke semasa melalui perjumpaan secara peribadi atau komunikasi secara lisan melalui apa-apa cara komunikasi, termasuk juga namun tidak terhad kepada panggilan telefon berkenaan promosi produk-produk atau perkhidmatan, kecuali tidak dipersetujui oleh pihak Pelanggan melalui penulisan.
- 32.5 Pihak Pelanggan juga mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi dan data yang diberi adalah benar, mutakhir dan tepat, dan sekiranya ada apa-apa bayaran pada maklumat peribadi Pelanggan atau data, Pelanggan perlu memaklumkan pihak Bank dengan segera.

33. FORCE MAJEURE

- 33.1 Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat *force majeure* atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

34. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

- 34.1 Pelanggan akan menanggung kerugian pihak Bank, sebagai Bank pengutip, untuk apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank disebabkan oleh jaminan terhadap apa-apa pengesahan, pelepasan, mana-mana cek, bil, nota, deraf, dividen, waran, dan lain-lain surat cara yang dikemukakan oleh Pelanggan bagi pengutipan dan setiap jaminan yang diberi oleh pihak Bank hendaklah disifatkan telah diberi

di atas permintaan Pelanggan dalam setiap kes melainkan jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.

- 34.2 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuai atau membuang mana-mana Terma & Syarat dan mana-mana notis berkenaan dengan penambahan, pengubahsuaian atau pembuangan tersebut boleh dihantar sendiri, atau pos berdaftar/biasa ke alamat terakhir yang diketahui pihak Bank, atau dipamerkan notis di mana-mana premis Bank, atau melalui apa-apa kaedah yang difikirkan munasabah oleh pihak Bank. Bukti pengeposan atau penyerahan atau penampalan notis akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan akan mengikat Pelanggan (melainkan terdapat bukti yang sebaliknya bahawa notis sedemikian tidak diterima):
- (a) Sekiranya dihantar sendiri, pada masa penghantaran; atau
 - (b) Sekiranya secara pos berdaftar atau biasa, pada tujuh (7) hari bekerja setelah dipos; atau
 - (c) Sekiranya dipamerkan di premis Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.
- 34.3 Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Terma & Syarat ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma & Syarat ini akan diguna pakai.
- 34.4 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pelanggan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasa Terma & Syarat baharu.
- 34.5 Terma-terma dan syarat-syarat termasuk hak-hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Terma & Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- 34.6 Pelanggan beragama Islam adalah bertanggungjawab untuk membayar zakat wang simpanan ke atas ASAS mereka. Pihak Bank menawarkan sistem pengiraan automatik dan penolakan automatik ke atas zakat wang simpanan kepada pelanggan yang mempunyai ASAS bersama pihak Bank. Formula penolakan automatik zakat wang simpanan adalah berdasarkan formula yang digunakan oleh pihak berkuasa zakat negeri yang berkenaan.

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit)